

Buku nukilan Perwila diperkenal kepada UMS Labuan

NST 3.3.2017 6

LABUAN: Kini sudah sampai masanya buku buku nukilan oleh ahli-ahli Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (Perwila) di perkenalkan kepada Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Ketua 1, Perwila, Haji Othman Mahali berkata, pelbagai jenis buku yang berjaya dihasilkan oleh ahli-ahli Perwila seperti buku genre cerpin, puisi dan novel perlu diperkenalkan kepada kepada UMSKAL sebagai tatapan mahasiswa dan kakitangan kampus berkenaan.

"Justeru itu Perwila telahpun memperkenalkan dan menyerahkan buku-buku yang ditulis oleh ahli-ahlinya kepada UMSKAL bagi tatapan mahasiswa dan kakitangan universiti itu disamping membolehkan mereka mendapatkan buku-buku yang dihasilkan oleh Perwila pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara universiti itu, kelmarin.

Turut hadir ahli Perwila yang juga pendeklamasi puisi, Suili Bakar.

Othman berharap menerusi pembacaan buku-buku tersebut akan menarik golongan muda khususnya mahasiswa bergiat aktif dalam bidang kesusastraan.

Selain itu, jelasnya, Perwila telah mengadakan pelbagai program sepanjang tahun lalu dan akan meneruskannya pada tahun ini bagi memastikan bidang sastera tidak hilang ditelan zaman.-**OLEH JAINUDIN DJIMIN**



SERAH... Haji Othman (kanan) menyerahkan buku Perwila kepada Dr Murnizam sambil diperhatikan oleh Suili.